

Headline	Kempen Caltex Fuel Your School kini di Kedah, Terengganu		
MediaTitle	Kosmo		
Date	12 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	218,251
Page No	60	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	141 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,808
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,423



Kempen Caltex Fuel Your School kini di Kedah, Terengganu

CHEVRON Malaysia Ltd. (Chevron Malaysia), pengendali runcit produk jenama Caltex dan MyKasih Foundation sekali lagi berganding bahu menjayakan kempen komuniti untuk menyemarakkan pembelajaran sains, teknologi, Bahasa Inggeris dan Matematik (STEM).

Dikenali sebagai Caltex Fuel Your School, Caltex akan menyumbang sebanyak RM1 untuk setiap pembelian bernilai RM40 ke atas di stesen-stesen servis Caltex di Terengganu dan Kedah yang mengambil bahagian. Kutipan maksimum yang disasarkan adalah sebanyak RM235,000. Wang itu akan digunakan sebagai dana untuk projek-projek sekolah yang layak di Terengganu dan Kedah.

Kertas kerja bilik darjah untuk STEM yang disenarai pendek akan dipaparkan pada laman sosial Facebook Caltex Fuel Your School mulai 21 Julai hingga 10 Ogos ini. Pilihan projek dan agihan dana akan ditentukan berdasarkan undian jumlah Like yang diterima menerusi laman Facebook berkenaan.

Pengurus Perhubungan Awam, Polisi dan Kerajaan Chevron Malaysia, Mokhtar Ali Ismail berkata, kempen komuniti Caltex Fuel Your School itu merupakan inisiatif menyokong program-program pembelajaran untuk membantu orang ramai memperoleh pengetahuan, kemahiran dan gaya pemikiran baharu.

"Kami percaya Caltex Fuel Your School boleh memainkan peranan signifikan untuk menyemarakkan minat dalam subjek berkenaan," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur baru-baru ini.



DARI kiri: Ketua Sektor Sains, Unit Pengurusan Akademik, Jabatan Pendidikan Terengganu, Zainol Yusof; Pengarah Urusan MyKasih, Jeffrey Perera dan Mokhtar pada majlis pelancaran Fuel Your School di Terengganu baru-baru ini.